

119
SOALAN NO: 47

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan William Leong Jee Keen
[Selayang]

TARIKH : 13 November 2017

SOALAN : Tuan William Leong Jee Keen
[Selayang] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan tahap pengeluaran
beras mampu diri di Malaysia dan status
sekuriti makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahap sara diri (SSL) pengeluaran beras di Malaysia tahun 2016 adalah 71.6% berbanding 71.4% pada tahun 2015.

Status sekuriti makanan untuk komoditi agromakanan utama seperti beras adalah terjamin. Selain memenuhi permintaan melalui pengeluaran dalam negara, Malaysia juga mempunyai stok penimbang beras bagi memastikan bekalan beras yang mencukupi. Stok penimbang beras pada masa ini ditetapkan pada tahap 150,000 tan metrik bagi menampung keperluan maksimum selama 30 hari. Sementara itu, komoditi agromakanan yang mempunyai tahap sara diri yang rendah seperti daging lembu/kerbau akan ditampung melalui import.